

Imbasan

Daya tahan pasaran kewangan dan modal Malaysia yang meningkat...

Dasar monetari pada tahun 2002 terus tertumpu untuk menyokong pemulihan ekonomi dalam negeri. Inflasi yang rendah, perbezaan kadar faedah yang positif berbanding kadar faedah di Amerika Syarikat (AS), kedudukan imbalan pembayaran luar yang baik dan institusi perbankan yang lebih kukuh terus memberikan fleksibiliti untuk dasar monetari kekal akomodatif bagi merangsang aktiviti ekonomi dalam negeri. Pengurusan mudah tunai ditujukan ke arah mengekalkan kadar faedah yang rendah dan stabil untuk menggalakkan berian pinjaman sementara memastikan para penyimpan terus menikmati kadar pulangan benar yang positif.

Kadar faedah yang rendah dan mudah tunai yang mencukupi telah menyumbang kepada pengembangan pembiayaan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Semua petunjuk pinjaman, iaitu permohonan pinjaman, kelulusan dan pinjaman yang dikeluarkan serta pinjaman yang belum dijelaskan meningkat pada tujuh bulan pertama 2002, selaras dengan pemulihan aktiviti ekonomi dalam negeri. Permintaan yang tinggi untuk kredit perbankan dapat dilihat di kedua-dua sektor korporat dan isi rumah. Pemulihan aktiviti ekonomi dalam negeri juga dicerminkan oleh pengembangan positif agregat monetari.

Meskipun mudah ubah di pasaran pertukaran asing adalah ketara, terutamanya di tengah kelemahan dolar AS, kadar tetap ringgit terus memudahkan perdagangan dan pelaburan dengan memberikan lebih kepastian dan kestabilan. Ketahanan kadar tetap ringgit terus disokong oleh asas makroekonomi negara yang kukuh.

Sektor perbankan telah diperkukuhkan lagi berikutan program penggabungan dan penyelesaian hutang korporat oleh Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC). Entiti perbankan yang digabung dengan permodalan yang bertambah baik kini berada di landasan yang lebih kukuh untuk menghadapi cabaran saingan yang meningkat.

Perbankan Islam telah berkembang selari dengan pengembangan sistem perbankan keseluruhannya. Institusi pembiayaan pembangunan melengkapi sistem perbankan dengan peningkatan pinjaman kepada sektor keutamaan. Kumpulan wang simpanan dan pencen kekal penting dalam menggembelng simpanan jangka panjang dalam ekonomi. Prestasi industri insurans adalah bercampur, dengan perniagaan insurans hayat terjejas akibat pemberhentian skim anuiti Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen (KWSP), sementara perniagaan insurans am telah mencatat pertumbuhan kukuh disebabkan oleh jualan kenderaan bermotor yang lebih tinggi.

Arah aliran yang meningkat di bursa saham tidak dapat dikekalkan disebabkan kemerosotan keyakinan pelabur berikutan beberapa skandal perakaunan di AS, dengan pasaran AS dan Eropah lebih terjejas berbanding pasaran serantau. Walau bagaimanapun, prestasi pasaran saham yang lebih memberangsangkan sebelum mengalami konsolidasi, telah menggalakkan sebilangan tawaran awam permulaan (IPO) yang tertinggi pada separuh tahun pertama. Dana yang diperoleh melalui pasaran modal, bagaimanapun adalah lebih rendah berikutan penebusan instrumen hutang yang lebih tinggi. Prestasi pasaran derivatif adalah bercampur, sungguhpun prestasi niaga hadapan kelapa sawit mentah (CPO) adalah lebih baik. Langkah terus diambil untuk meningkatkan kecekapan dan daya saing pasaran modal, termasuk memajukan Malaysia sebagai pasaran modal Islam serantau.

Dasar Monetari

Dasar monetari akomodatif menyokong pemulihan ekonomi...

Pada tahun 2002, **dasar monetari** kekal dihalu ke arah menyediakan persekitaran positif bagi menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri. Dengan ketidakpastian di persekitaran luaran, teras asas dasar monetari adalah untuk memapankan asas ekonomi bagi memastikan sektor dalam negeri cukup fleksibel untuk mengambil langkah penyesuaian dalaman sekiranya diperlukan supaya momentum pemulihan ekonomi dapat dikekalkan.

Pelaksanaan dasar monetari bertujuan menyediakan persekitaran yang stabil dan berkepastian supaya dapat mengekalkan keyakinan dalam pasaran. Respon dasar monetari kekal menggunakan kelebihan yang wujud antara dasar fiskal dan monetari yang melengkap antara satu sama lain bagi mengelak daripada bergantung secara keterlaluan kepada satu dasar sahaja. Dasar monetari juga bertujuan memastikan kadar faedah kekal menyokong aktiviti ekonomi. Pengurusan mudah tunai pada tahun 2002 adalah untuk memastikan kadar faedah kekal rendah dan stabil di samping memberikan kadar pulangan benar positif kepada para penyimpan.

Di peringkat luar negara, **kadar faedah antarabangsa** juga rendah secara keseluruhan disebabkan kelonggaran dasar monetari, terutamanya selepas peristiwa 11 September 2001. Perbezaan kadar faedah yang kini positif bersama asas makroekonomi negara yang kukuh, kadar faedah antarabangsa yang rendah telah memberi fleksibiliti untuk mengekalkan dasar monetari yang akomodatif demi menyokong momentum pertumbuhan.

Rejim kadar tetap ringgit yang dilaksanakan sejak September 1998 terus memberi manfaat kepada ekonomi. Kadar tetap ringgit telah menyediakan persekitaran yang lebih pasti dan stabil untuk memudahkan keputusan perancangan, pelaburan dan penetapan harga bagi menyokong aktiviti ekonomi. Kadar tetap ringgit adalah mapan dan

konsisten dengan asas ekonomi seperti dibuktikan dengan ketiadaan tekanan ke atas sektor ekonomi dalam negeri dan juga sektor luar. Rizab antarabangsa yang kukuh, hutang luar yang rendah dan permodalan sistem perbankan yang lebih baik juga menyokong kadar tetap ringgit. Dasar makroekonomi yang konsisten telah meningkatkan lagi kemapanan kadar tetap ringgit dan juga meningkatkan keupayaan ekonomi menyerap kejutan luar. Kerajaan komited dalam meneruskan dasar makroekonomi yang menyokong kadar pertukaran tetap bagi memastikan ianya kekal konsisten dengan asas ekonomi.

Perkembangan Monetari


Pengembangan penawaran wang dan pinjaman mencerminkan ekonomi yang bertambah baik disokong oleh ringgit yang lemah sedikit...

Selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang bertambah kukuh, penawaran wang terus berkembang dalam tujuh bulan pertama 2002. **Wang kecil atau M1** yang mengandungi mata wang dalam edaran dan deposit permintaan meningkat dengan kadar tahunan sebanyak 12.2% pada akhir Julai 2002 (akhir 2001: 3.2%) atau RM1,647 juta seperti di *Carta 5.1*. Pada tempoh yang sama, **agregat monetari luas, M3**, meningkat sebanyak 5.8% pada akhir Julai (akhir 2001: 2.9%) atau RM14,924 juta. Dorongan utama pengembangan monetari berpunca daripada pembiayaan yang lebih tinggi oleh sektor swasta dan pengembangan operasi Kerajaan dan luaran.

Jumlah deposit menunjukkan arah aliran yang serupa dengan peningkatan ketara sebanyak RM9,063 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama (Januari-Julai 2001: RM3,861 juta). Peningkatan deposit oleh individu menunjukkan peningkatan paling ketara, iaitu sebanyak RM9,187 juta dengan sebahagian besar peningkatan jumlah deposit dilaburkan dalam deposit tetap (48%), deposit Skim Perbankan Islam (45%) dan deposit simpanan (22%).

CARTA 5.1

Agregat Monetari 1998-2002



¹ pada akhir Mac, Jun, September dan Disember termasuk Perjanjian Pembelian Semula (Repos).

² pada akhir Julai 2002.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Dasar monetari yang akomodatif telah membenarkan kadar faedah untuk kekal rendah dan stabil, seperti di *Carta 5.2*. Kadar campur tangan dikekalkan pada 5%, sementara kadar beraian pinjaman (BLR) dan kadar deposit terus stabil, seperti di *Jadual 5.1*. Keadaan mudah tunai yang mencukupi telah menyebabkan pasaran kredit menjadi kompetitif dan mendorong institusi perbankan untuk mengenakan kadar faedah yang lebih rendah daripada BLR bagi pinjaman terpilih. Dengan kadar faedah yang rendah, mudah tunai yang mencukupi serta institusi perbankan yang lebih kukuh, keadaan monetari terus menjadi lebih baik. Jumlah pembiayaan kasar sektor swasta yang diperoleh (pinjaman yang dikeluarkan, terbitan sekuriti hutang swasta kasar (PDS) dan dana yang diperoleh daripada pasaran ekuiti) telah meningkat kepada RM253,906 juta dalam tempoh tujuh bulan

JADUAL 5.1

Kadar Faedah Institusi Perbankan (%)

	Akhir 2001	Akhir Julai 2002	Perbezaan
Bank Perdagangan			
Berian pinjaman asas	6.39	6.39	0.00
Simpanan tetap	2.28	2.25	-0.03
Deposit tetap 3-bulan	3.21	3.20	-0.01
Syarikat Kewangan			
Berian pinjaman asas	7.45	7.45	0.00
Simpanan tetap	2.94	2.80	-0.14
Deposit tetap 3-bulan	3.22	3.20	-0.02

Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 5.2

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal (Januari-Julai)

	2001		2002	
	RM juta	Pertumbuhan tahunan (%)	RM juta	Pertumbuhan tahunan (%)
Pinjaman dikeluarkan	215,242	8.2	231,311	7.5
Terbitan PDS Kasar	12,383	37.9	12,976	4.8
Ekuiti	4,459	22.6	9,619	115.7
Jumlah	232,084	9.7	253,906	9.4


Sumber: Bank Negara Malaysia.

pertama 2002 (Januari-Julai 2001: RM232,084 juta), seperti di *Jadual 5.2*.

Dasar pengembangan yang bertujuan untuk menggalakkan permintaan domestik amat berkesan dalam menggalakkan permintaan kredit yang lebih tinggi daripada sektor isi rumah dan korporat. Hala tuju pembiayaan menunjukkan sebahagian besar pembiayaan runcit disalurkan untuk pembelian harta kediaman dan kereta penumpang, sementara pembiayaan korporat adalah terutamanya untuk sektor pembuatan,

CARTA 5.2

Kadar Faedah Campurtangan BNM, Kadar Faedah Antara Bank 3-bulan dan Kadar Berian Pinjaman Asas Bank Perdagangan



Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 5.3

Sistem Perbankan: Haluan Berian Pinjaman¹

Sektor	Disember 2001	Julai 2002	Perubahan Akhir Julai 2002	Sumbangan
			(RM juta)	%
Pertanian, pemburuan, perhutanan dan perikanan	12,393.2	11,946.9	-446.3	2.5
Perlombongan dan kuari	1,538.3	1,260.5	-277.8	0.3
Pembuatan	68,466.3	67,507.9	-958.4	14.0
Elektrik, gas dan air	5,316.8	6,055.6	738.9	1.3
Perdagangan borong, runcit, restoran dan hotel	38,896.6	39,256.5	359.9	8.1
Harta benda yang luas	175,860.7	181,479.7	5,619.0	37.5
Pembinaan	40,082.7	38,797.5	-1,285.2	8.0
Harta kediaman	87,055.2	95,139.4	8,084.2	19.7
Harta bukan kediaman	29,695.5	29,551.3	-144.2	6.1
Harta tanah	19,027.3	17,991.5	-1,035.8	3.7
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	12,476.2	12,695.4	219.2	2.6
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	35,375.8	34,775.3	-600.5	7.2
Kredit penggunaan di mana:	69,436.0	76,561.5	7,125.5	15.8
Kad kredit	8,941.8	9,590.1	648.3	2.0
Pembelian kereta penumpang	45,500.1	51,597.1	6,097.0	10.7
Pembelian sekuriti	30,348.9	30,056.0	-292.9	6.2
Pembelian kenderaan pengangkutan	2,399.1	3,503.0	1,103.9	0.7
Perkhidmatan sosial, masyarakat dan persendirian	6,201.9	6,461.8	259.9	1.3
Lain-lain	11,839.4	11,965.1	125.7	2.5
Jumlah pinjaman belum dijelaskan ²	470,549.2	483,525.2	12,976.0	100.0

¹ Termasuk perbankan Islam.² Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta.

Sumber: Bank Negara Malaysia.


perdagangan borong dan runcit restoran dan hotel, pembinaan serta perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan, seperti di *Jadual 5.3*. Satu perkembangan positif adalah arah aliran yang berterusan kepada pengurangan hutang dan penyusunan semula hutang yang telah membantu untuk mengukuhkan kunci kira-kira sektor korporat. Justeru, pembayaran balik hutang kekal tinggi dalam sistem perbankan dan pasaran bon. Ini bersama keperluan yang berkurangan bagi pembiayaan jangka panjang kerana terdapat kapasiti berlebihan yang sedia ada dalam kebanyakan sektor kecil industri telah menyederhanakan peningkatan dalam pembiayaan bersih sektor swasta.

Semua petunjuk pinjaman menunjukkan pengembangan dalam pinjaman sistem perbankan yang seiring dengan peningkatan aktiviti ekonomi dalam negeri. Permohonan untuk pinjaman telah meningkat 10.2% dalam tujuh bulan pertama 2002. Pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan telah meningkat pada kadar tahunan 7.4% dan 7.5% dalam tempoh yang sama. Walau bagaimanapun, pinjaman yang dibayar balik juga tinggi, hasil daripada pinjaman jangka pendek yang diambil oleh syarikat bagi memenuhi keperluan modal kerja dan penyusunan semula, mengakibatkan peningkatan yang sederhana sebanyak 3.3% dalam pinjaman yang belum dijelaskan pada akhir Julai 2002.

Penumpuan dasar juga diberi kepada usaha meningkatkan akses pembiayaan bagi sektor keutamaan, terutamanya untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Usaha diteruskan untuk meningkatkan akses kredit bagi PKS dan di samping menyediakan cara pembiayaan yang alternatif bagi menggalakkan aktiviti baru dalam industri modal teroka yang berisiko tinggi. Dalam tahun ini, usaha untuk meningkatkan akses kredit bagi PKS terus berlandaskan kepada manfaat daripada langkah sebelum ini yang bertujuan mengembangkan saiz dan skop dana terpilih. Inisiatif ini termasuk pengenalan 12 dana khas untuk membiayai PKS sejak 1998, di mana tujuh daripadanya masih terbuka untuk menerima permohonan. Sejak tahun 2001, saiz dan skop dana terpilih telah diperbesarkan, kriteria permohonan dilonggarkan dan kadar pinjaman dikurangkan. Unit aduan dan Unit Pembangunan Bumiputera telah ditubuhkan di Bank Negara

CARTA 5.3

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Utama Terpilih




Sumber: Bank Negara Malaysia.

Malaysia (BNM) untuk memantau aduan serta membantu membangunkan usahawan Bumiputera. Berkuatkuasa daripada 3 Jun 2002, fungsi dan peranan Unit Pembangunan Bumiputera telah dialihkan kepada ERF Sdn. Bhd. sebagai satu pusat setempat bagi menangani isu berkaitan pembangunan perusahaan Bumiputera.

Sejak 2 September 1998, **kadar pertukaran ringgit** telah kekal pada RM3.80 berbanding dolar AS. Walau bagaimanapun, nilai ringgit telah menyusut berbanding mata wang utama disebabkan kelemahan dollar, terutamanya kerana kebimbangan pasaran mengenai defisit akaun semasa AS serta kemungkinan kerapuhan pemulihan ekonomi AS berikutan masalah perakaunan korporat, seperti di *Carta 5.3* Nilai ringgit telah menyusut sebanyak 10.1%

CARTA 5.4

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Serantau Terpilih



berbanding euro dan yen dan 6.2% berbanding paun sterling, seperti di *Jadual 5.4* dan. Nilai ringgit turut menyusut dalam lingkungan 4.5%-14.9% berbanding mata wang serantau kecuali peso Filipina di mana nilai ringgit telah meningkat 0.4%, seperti di *Carta 5.4*.

Prestasi Sistem Perbankan

Sistem perbankan yang lebih berdaya tahan dengan hutang tidak berbayar yang stabil serta inisiatif baru...

Sistem perbankan telah kukuh dengan nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) berada pada tahap 13.1% pada Julai 2002, yang terus melebihi nisbah minimum Basle sebanyak 8%, seperti di *Carta 5.5*. Begitu juga, nisbah modal utama (CCR) bertahan pada tahap 10.8% melebihi tahap keperluan antarabangsa sebanyak 4%. Nisbah hutang tidak berbayar (NPL) berdasarkan klasifikasi enam bulan kekal stabil pada 8% pada Julai, disebabkan oleh peruntukan khas yang lebih tinggi dan usaha berterusan penstrukturan semula hutang oleh institusi perbankan.

Pelaksanaan pelbagai langkah dasar telah mengukuhkan lagi sektor perbankan. Penggabungan sektor perbankan telah menghasilkan sistem perbankan domestik yang mempunyai

JADUAL 5.4

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih


RM kepada satu unit mata wang asing ¹	2 Sept. 1998	Akhir 2001	Akhir Ogos 2002	perubahan %	
				(vs. 2 Sept. 98)	(vs. akhir-2001)
Dollar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0
Paun Sterling	6.3708	5.5161	5.8822	8.3	-6.2
euro*	-	3.3662	3.7430	-	-10.1
Yen Jepun (100)	2.7742	2.8955	3.2213	-13.9	-10.1
Dollar Singapura	2.1998	2.0529	2.1733	1.2	-5.5
Baht Thailand (100)	9.3713	8.6022	9.0069	4.0	-4.5
Peso Filipina (100)	8.8302	7.3644	7.3348	20.4	0.4
Rupiah Indonesia (100)	0.0354	0.0365	0.0429	-17.5	-14.9
Won Korea (100)	0.2827	0.2883	0.3186	-11.3	-9.5

¹ Kadar purata antara bank pada 12.00 tengahari di Kuala Lumpur adalah purata antara harga belian tertinggi dan harga jualan terendah.

* euro diperkenalkan pada Januari 1999.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.5

Sistem Perbankan:**Nisbah Modal Berwajaran Risiko, Nisbah Modal Utama dan Nisbah Pinjaman Tidak Berbayar Bersih**

Sumber: Bank Negara Malaysia.

modal yang lebih banyak, dengan kesemua kumpulan perbankan selesai menyepadkan sistem perniagaan mereka. Beberapa langkah berhemat telah diperkenalkan untuk memastikan sistem kewangan kukuh dan stabil. Ini termasuk memperkenalkan Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRS) yang memberikan akses *realtime, online* kepada pengkalan data semua peminjam dalam sistem perbankan yang menyeluruh lagi terkini serta penerbitan Amalan Terbaik bagi Pengurusan Risiko Kredit yang mensyaratkan keperluan minimum yang perlu dipatuhi oleh institusi perbankan dalam semua aspek aktiviti kredit.


Bagi meningkatkan urus tadbir sistem perbankan, bilangan jawatan pengarah yang boleh dipegang oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) institusi perbankan dihadkan kepada lima sahaja. Penggubalan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 pada Julai 2001 telah menyediakan undang-undang yang menyeluruh

untuk mengatasi aktiviti pengubahan wang haram. Langkah yang membenarkan penawaran perkhidmatan perbankan melalui urus niaga internet oleh bank asing yang diperbadankan di sini sejak 1 Januari 2002, menunjukkan satu langkah ke depan untuk mengimbangi penyertaan antara bank tempatan dan bank asing. Satu lagi kejayaan yang ketara adalah penutupan CDRC pada 15 Ogos 2002 setelah empat tahun beroperasi.

Sementara itu, aktiviti peminjaman oleh sistem perbankan tetap menggalakkan. **Pinjaman sistem perbankan yang belum dijelaskan** meningkat pada kadar tahunan sebanyak 3.3% kepada RM483,525 juta pada akhir Julai 2002. Dari segi kelulusan baru, sebanyak RM78,390 juta telah diluluskan dalam tujuh bulan pertama 2002, iaitu peningkatan sebanyak 7.4% berbanding tempoh yang sama tahun 2001, sementara RM231,311 juta telah dikeluarkan (peningkatan 7.5% berbanding tempoh yang sama tahun 2001).

CARTA 5.6

Pinjaman Diluluskan dan Dikeluarkan Januari - Julai 2002



Sumber: Bank Negara Malaysia.

Sebahagian besar pinjaman yang diluluskan telah disalurkan untuk pembelian harta kediaman dan kenderaan penumpang seperti, di Carta 5.6. Sebahagian besar pinjaman yang dikeluarkan adalah untuk pembelian harta kediaman serta sektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran serta pembuatan.

akibat persaingan. Institusi perbankan yang telah digabungkan kini mempunyai kedudukan permodalan yang lebih baik dan berkeupayaan untuk memperluaskan lagi aktiviti perniagaan.

Penstrukturan Semula Sektor Kewangan dan Korporat

Sistem perbankan yang bertambah kukuh...

Terdapat kemajuan yang ketara dalam pembaharuan sektor kewangan. Penyelesaian penggabungan dan integrasi sepuluh kumpulan perbankan telah meletakkan sektor perbankan pada landasan yang lebih kukuh untuk menyokong keperluan ekonomi yang berubah serta menghadapi peningkatan cabaran yang timbul

Danaharta, Danamodal dan CDRC terus mencatat kemajuan dalam penstrukturan semula sektor kewangan dan korporat. **Danaharta** telah selesai fasa perolehan NPL pada tahun 2000, dan kini tertumpu kepada melaksanakan langkah-langkah pemulihan ke atas NPL yang di bawah kelolaannya. Sehingga akhir Julai 2002, tindakan pemulihan telah dimulakan ke atas hampir kesemua RM47,740 juta (99.9%) daripada hak pinjaman yang diperolehi, dengan pemulihan dijangka sebanyak RM29,710 juta atau 57% (selepas mengambil kira sifar peratus pemulihan ke atas hutang yang tidak dibayar). Satu perkembangan yang penting bagi Danaharta adalah pelancaran terbitan sekuriti disokong aset (ABS) pada Disember 2001 melalui satu jentera tujuan khas, iaitu Securita ABS One Berhad.

Terbitan ABS ini melibatkan pengagihan Nota *Senior* bertaraf "AAA" berjumlah RM310 juta pada kadar kupon 3.875% yang matang pada Disember 2005, dan merupakan jenis obligasi hutang bercagar yang pertama di Malaysia.

Sejak tahun 1999, tiada penambahan kepada suntikan modal awal sebanyak RM7,590 juta oleh **Danamodal** ke dalam sepuluh institusi perbankan yang dibuat dalam tempoh 1998 ke 1999. Setakat ini, RM5,450 juta telah dibayar balik oleh tujuh institusi perbankan, manakala baki suntikan permodalan dalam tiga institusi perbankan pada akhir Jun 2002 adalah sebanyak RM2,140 juta. Danamodal dijangka akan menutup operasi terasnya menjelang akhir 2003.

CDRC dengan rasminya telah tamat operasi pada 15 Ogos 2002. Semasa empat tahun tempoh hayat CDRC dari Julai 1998 sehingga Ogos 2002, telah berjaya menyelesaikan 47 kes dengan hutang bernilai RM43,971 juta. Profil pemulihan yang diselesaikan menunjukkan bahawa 83% daripada hasil pemulihan adalah dalam bentuk wang tunai, instrumen yang boleh tebus dan hutang yang dijadualkan semula. Perkembangan dalam penstrukturan semula hutang korporat telah diterima dengan baik oleh pasaran, terutamanya yang melibatkan penstrukturan semula pengurusan dan operasi.

Perbankan Islam

Terus berkembang, dengan urusetia LPKI di Malaysia...

Perbankan Islam telah mengembangkan bahagian pasarnya untuk merangkumi 8.7% aset dan 10.3% deposit daripada sistem perbankan keseluruhannya, pada akhir Julai 2002. Pada tahun 2001, aset sistem perbankan Islam meningkat kepada 8.2% daripada bahagian pasaran sistem perbankan, melepasi sasaran 8% yang ditetapkan oleh BNM. Setakat ini, sistem perbankan Islam terdiri dari dua bank Islam, iaitu Bank Islam Malaysia Berhad dan Bank Muamalat Malaysia Berhad dengan 34 institusi kewangan lain, menawarkan perkhidmatan perbankan Islam di bawah Skim Perbankan Islam (SPI).

JADUAL 5.5

Perbankan Islam: Penunjuk Utama

	Pada Akhir 2001	Pada Akhir Julai 2002	Perubahan %
	RM juta	RM juta	
Aset	58,929	64,164	8.9
Deposit	47,106	52,299	11.0
Pelaburan	33,505	36,880	10.1
Simpanan	4,149	4,881	17.6
Semasa	6,457	7,305	13.1
Pinjaman	28,201	33,164	17.6
Perkilangan	3,073	3,617	17.7
Harta benda yang luas	10,782	13,547	25.6
Harta kediaman	6,846	9,128	33.3
Kredit penggunaan	745	905	21.5
Kenderaan bermotor	6,068	6,721	10.8

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Pada akhir Julai 2002, jumlah aset sistem perbankan Islam telah meningkat sebanyak 8.9% kepada RM64,164 juta (akhir 2001: RM58,929 juta) susulan daripada peningkatan deposit sebanyak 11% kepada RM52,299 juta (akhir 2001: RM47,106 juta), seperti di *Jadual 5.5*. Pembiayaan oleh sistem perbankan Islam meningkat sebanyak 17.6% kepada RM33,164 juta pada tempoh yang sama. Sebahagian besar pembiayaan ini disalurkan untuk pembelian rumah dan kereta penumpang yang meningkat 33.3% dan 10.8%, mencakupi 27.5% dan 20.3% daripada jumlah pembiayaan. Urus niaga dalam pasaran wang antara bank secara Islam adalah aktif dengan purata bulanan sebanyak RM23,009 juta (Januari-Julai 2001: RM22,700 juta), disebabkan permintaan yang lebih tinggi untuk instrumen kewangan Islam jangka pendek.

Beberapa langkah telah diambil untuk mempromosikan Malaysia sebagai pusat kewangan antarabangsa Islam. Satu perkembangan yang penting ialah penubuhan Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia

(IBFIM) pada Februari 2001 sebagai pusat setempat bagi menyediakan pendidikan, latihan dan penyelidikan mengenai perkhidmatan kewangan Islam telah mencapai kemajuan yang ketara. Sehingga kini, sebanyak 1,160 orang telah menyertai kursus perbankan Islam dan takaful yang dikendalikannya. Satu lagi pencapaian adalah pemilihan Malaysia sebagai ibu pejabat Sekretariat Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (LPKI). LPKI yang dijangka akan memulakan operasinya dalam suku keempat tahun 2002, merupakan satu badan yang akan menggubal piawaian untuk merangka piawaian seliaan dan kehematan bagi institusi kewangan Islam di seluruh dunia.

Institusi Pembiayaan Pembangunan

DFI meningkatkan pembiayaan kewangan kepada sektor keutamaan...

Institusi pembiayaan pembangunan (DFI) terus memainkan peranan yang penting dalam menyokong pembangunan sektor keutamaan yang dikenalpasti seperti pertanian, pembuatan dan infrastruktur serta eksport dan perdagangan antarabangsa. DFI menyediakan pembiayaan bagi projek jangka sederhana dan panjang yang berisiko tinggi kerana tempoh pelaburannya yang lebih panjang. Pada tahun 2002, enam DFI telah diletakkan di bawah pengawasan BNM mengikut Akta Institusi Pembiayaan Pembangunan 2002. Jumlah sumber bagi lapan DFI yang dikaji, bagaimanapun turun sebanyak 5.8% kepada RM42,868 juta pada akhir Jun 2002 (akhir Jun 2001: RM45,512 juta), disebabkan oleh perolehan dan peminjaman yang lebih rendah. Peminjaman turun sebanyak 1.7% kepada RM9,206 juta dan merangkumi 21.5% daripada jumlah sumber.

Pinjaman yang diberikan oleh DFI, bagaimanapun, meningkat dengan ketara sebanyak 17.8% kepada RM15,710 juta (akhir Jun 2001: RM 13,330 juta), seperti di *Jadual 5.6*. Penyumbang utama peningkatan pinjaman ini adalah sektor harta tanah dan pembinaan dengan meningkat sebanyak 51.2% disebabkan pembiayaan yang lebih tinggi bagi projek infrastruktur seperti talian

kuasa, pelabuhan, jalan keretapi, lebuh raya bertingkat dan jambatan serta permintaan kukuh bagi harta kediaman. Pinjaman kepada sektor pengangkutan dan penyimpanan juga meningkat sebanyak 23.2% dengan Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Bhd (BPIMB) mencakupi bahagian yang ketara sebanyak 74.4% daripada jumlah pinjaman ke sektor tersebut. Pertumbuhan pinjaman ke sektor ini dipengaruhi oleh peningkatan permintaan untuk infrastruktur, telekomunikasi serta pengangkutan jalan dan khidmat sokongannya.

Selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan sektor pertanian sebagai sumber ketiga pertumbuhan ekonomi selepas perkhidmatan dan pembuatan, pinjaman kepada sektor pertanian meningkat 12.1%, terutamanya oleh Bank Pertanian Malaysia sejajar dengan objektif untuk membiayai pembangunan pertanian. Pinjaman untuk pembuatan mencatat peningkatan sederhana sebanyak 2% dengan Export-Import Bank of Malaysia (EXIM) mencakupi sebahagian besar, iaitu 39% daripada jumlah pinjaman ke sektor tersebut.

JADUAL 5.6

Pinjaman Oleh Institusi Pembiayaan Pembangunan (Akhir Jun)

Sektor	RM juta		Bahagian %	
	2001	2002 ^a	2001	2002
Pembuatan	3,558.2	3,628.6	26.7	23.1
Pertanian	1,551.2	1,738.9	11.6	11.1
Harta tanah & pembinaan	2,466.7	3,730.5	18.5	23.7
Perdagangan am	34.7	51.4	0.3	0.3
Pengangkutan & simpanan	3,808.1	4,690.1	28.6	29.9
Lain-lain	1,911.5	1,870.2	14.3	11.9
Jumlah	13,330.4	15,709.7	100.0	100.0

^a Data awal.

Sumber: Bank Pertanian Malaysia, BPIMB, MIDF, Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad, Export-Import Bank of Malaysia, Sabah Development Bank, Perbadanan Pinjaman Sabah and Borneo Development Corporation.

JADUAL 5.7

Bank Simpanan Nasional (akhir Jun)

	2001	2002 ^P
Deposit¹ (RM juta)	10,593.20	9,977.34
Simpanan	1,281.52	1,221.26
Tetap	5,317.81	4,427.62
GIRO	3,126.31	3,257.83
Sijil Simpanan Premium	656.41	739.46
Perbankan Islam	194.45	310.58
Lain-lain	16.70	20.59
Pelaburan pada nilai buku (RM juta)	8,080.63	7,452.03
Sekuriti Kerajaan Malaysia	2,562.23	2,442.59
Saham ²	2,966.85	2,780.27
Lain-lain ³	2,551.55	2,229.17
Pinjaman kasar (RM juta)	2,356.28	2,206.31
Individu	1,307.86	1,357.30
Korporat	182.88	196.17
Kad kredit	47.43	48.50
Sewa beli	818.11	604.34
Bilangan cawangan BSN ⁴	434	420
Bilangan pejabat pos dengan kemudahan BSN	482	375
Bilangan penyimpan ('000)	8,383	9,016

¹ Termasuk faedah yang dikenakan.² Termasuk unit amanah dan bukan unit amanah, sekuriti hutang swasta dan waran.³ Termasuk deposit jangka panjang dan pendek.⁴ Termasuk cawangan mini dan cawangan kecil.^P Data awal.

Sumber: Bank Simpanan Nasional.

Bank Simpanan Nasional

Institusi simpanan yang popular kerana akses yang mudah...

Bank Simpanan Nasional (BSN) melengkapi sistem perbankan dalam menggerakkan deposit simpanan, terutamanya di kalangan kumpulan berpendapatan sederhana dan rendah. Dengan rangkaian cawangan yang luas, BSN dapat menyediakan akses yang mudah kepada para penyimpan. Jumlah sumber BSN telah berkurang 5.8% kepada RM10,657 juta pada akhir Jun 2002 (akhir Jun 2001: RM 11,312 juta), disebabkan oleh simpanan yang rendah, seperti di *Jadual 5.7*. Meskipun deposit berkurangan, BSN masih kekal sebagai institusi simpanan yang popular, dicerminkan oleh peningkatan 7.6% bilangan pendeposit. Deposit tetap kekal sebagai sumber utama tabung simpanan merangkumi 44.4%, meskipun ianya berkurang 16.7% disebabkan penebusan yang tinggi oleh syarikat. Deposit GIRO, bagaimanapun, meningkat 4.2% dan merangkumi 32.7% daripada jumlah simpanan. Deposit perbankan Islam juga meningkat lebih ketara sebanyak 59.7%, mencerminkan peningkatan popularitinya. Pinjaman oleh BSN berkurang sebanyak 6.4% kepada RM2,206 juta, disebabkan oleh sewa beli yang lebih rendah dalam tempoh tersebut. Sebahagian besar pinjaman disalurkan kepada individu, mencakupi 61.5% daripada jumlah pinjaman, terutamanya untuk pinjaman perumahan.

Syarikat Diskaun

Syarikat diskaun mengalami pengurangan yang ketara dalam aktiviti berasaskan fi ...

Syarikat diskaun kekal merupakan satu perantara penting dalam sistem kewangan. Pada akhir Julai 2002, jumlah sumber syarikat diskaun telah berkembang sedikit dengan meningkat 3% kepada RM24,633 juta. Jumlah pelaburan syarikat diskaun telah meningkat 0.7% kepada RM20,611 juta (akhir-Julai 2001: RM20,473 juta). Sebahagian terbesar sumber syarikat diskaun dilaburkan dalam PDS sebanyak RM7,072 juta atau 28.7% daripada jumlah sumber (akhir Julai 2001: RM7,488 juta).

Walau bagaimanapun, dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini, aktiviti syarikat diskaun yang berasaskan fi mengalami pengurangan yang ketara. Syarikat diskaun telah mengatur, mengurus-pimpin dan mengurus bersama penerbitan PDS bernilai RM695 juta (Januari-Julai 2001: RM2,389 juta) serta menanggung jamin RM984 juta bagi terbitan PDS (Januari-Julai 2001: RM1,343 juta). Satu perkembangan penting yang melibatkan syarikat diskaun adalah perlanjutan rangka kerja mudah tunai BNM kepada industri ini mulai 1 Jun 2002. Rangka kerja ini bertujuan memupuk pengurusan mudah tunai yang baik serta meningkatkan keupayaan syarikat diskaun mengurus risiko mudah tunai.

Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen

Kumpulan wang simpanan dan pencen tetap memainkan peranan yang penting dalam menggerakkan dana untuk menyokong perkembangan sosio-ekonomi...

Kumpulan wang simpanan dan pencen (PPF) terus menyokong pembangunan sosio-ekonomi dengan menggerak dan menyalurkan dana jangka sederhana dan panjang untuk membiayai projek sektor awam dan swasta. Jumlah sumber sembilan PPF, terdiri daripada KWSP, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Kumpulan Wang Amanah Pencen dan lima PPF swasta yang lain, mengembang sebanyak 8.9% kepada RM243,295 juta pada akhir Jun 2002 (akhir Jun 2001: RM223,331 juta), seperti di *Jadual 5.8*. Caruman kasar kepada KWSP merupakan penyumbang utama kepada peningkatan ini merangkumi 84.6% daripada jumlah keseluruhan caruman. Walau bagaimanapun, caruman kasar PPF berkurang 9.4% selaras dengan bilangan pencarum yang lebih rendah.

Pada tempoh ini, pengeluaran yang dicatatkan berkurang dengan ketara berjumlah RM7,545 juta (akhir Jun 2001: RM14,207 juta) menghasilkan caruman bersih yang lebih tinggi. Sebahagian besar pengeluaran dibuat oleh pencarum KWSP melalui tiga skim pengeluaran utama untuk kakitangan kerajaan berpencen,

JADUAL 5.8

Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen: Penunjuk Terpilih 2001-2002

	2001 (RM juta)	2002 ^P
Pada akhir Jun		
Bilangan pencarum ('000)	19,209	18,951
di mana : KWSP	10,101	10,240
PERKESO	8,873	8,519
Caruman terkumpul	199,576	216,660
Jumlah sumber	223,331	243,295
di mana : KWSP	186,940	199,714
PERKESO	9,721	10,641
Pelaburan dalam SKM	71,327	72,271
Pada tempoh (Januari-Jun)		
Caruman kasar	13,057	11,820
Pengeluaran	14,207	7,545
Caruman bersih	(1,150)	4,275
Pendapatan pelaburan	5,920	6,481

^P Data awal

Sumber: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Kumpulan Wang Amanah Pencen, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan lima kumpulan wang simpanan dan pencen swasta (Kumpulan Wang Simpanan Kakitangan Estet, Kumpulan Wang Simpanan MAS, SESCO Employees Provident Fund, Petronas Retirement Benefit Scheme dan Jenderata-Bernam Provident Fund).

pembelian komputer serta untuk pencarum yang meninggalkan negara. Walau bagaimanapun, KWSP memberhentikan skim pengeluaran untuk pembelian komputer pada bulan Ogos, berikutan hasil kajian terperinci yang dijalankan oleh KWSP menunjukkan bahawa objektif "satu komputer untuk setiap rumah" boleh dicapai tanpa skim pengeluaran tersebut.

Pendapatan pelaburan PPF meningkat 9.5% kepada RM6,481 juta, mencerminkan persekitaran pelaburan yang lebih baik. PPF menukarkan arah strategi pelaburan mereka kepada bon korporat dan ekuiti, merangkumi 52.2% daripada jumlah pelaburan (akhir-Jun 2001: 49.9%). Pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) mencatatkan peningkatan kecil, iaitu 1.3% untuk merangkumi 47.8% daripada jumlah pelaburan, sebahagiannya disebabkan oleh terbitan SKM yang lebih rendah di pasaran.

JADUAL 5.9

Perniagaan Insurans Hayat dan Am

	Akhir 2001	Akhir Jun ^P 2002
Perniagaan Insurans Hayat (RM juta)		
Perniagaan baru:		
Bilangan polisi ('000 unit)	1,370.0	623.9
Jumlah diinsuranskan	129,003.8	70,376.0
Jumlah premium	5,247.9	1,659.9
Perniagaan berkuatkuasa:		
Bilangan polisi ('000 unit)	7,891.0	8,137.4
Jumlah diinsuranskan	440,005.8	457,065.9
Premium tahunan	8,170.0	8,581.8
Pendapatan pendapatan	11,684.8	4,945.1
Bayaran Tuntutan		
Jumlah	3,311.1	1,933.8
Matang	703.3	481.4
Kematian & hilang upaya ¹	1,280.0	681.9
Serahan	771.7	445.5
Bonus tunai	509.3	229.1
Anuiti	46.8	95.9
Insurans Am (RM juta)		
Pendapatan premium:		
Premium langsung kasar	6,404.0	3,797.6
Premium bersih	5,386.7	2,895.1
Insurans semula ditempatkan di luar Malaysia	584.4	580.5
Nisbah bendungan (%) ²	90.2	83.3
Bilangan Syarikat Insurans		
Langsung:		
Nyawa	8	7
Am	36	34
Komposit	8	9
Penginsuranaan Semula:		
Nyawa	1	1
Am	9	9
Komposit	1	1

^P Data awal.¹ Termasuk perubatan dan lain-lain.² Premium bersih/premium langsung kasar.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 5.10

Aset Dana Insurans Hayat dan Am (RM juta)

	Insurans Hayat		Insurans Am	
	2001	Akhir Jun 2002 ^P	2001	Akhir Jun 2002 ^P
Aset Tetap	346.8	333.5	675.5	699.0
Pinjaman	6,348.2	6,321.3	222.1	204.5
Sekuriti Kerajaan	6,790.7	6,774.0	1,927.5	1,771.2
Hutang Dijamin Kerajaan	27.8	17.5	1.4	0.9
Sekuriti korporat dan hutang	21,123.6	22,998.2	4,915.6	4,966.1
Pelaburan dalam harta tanah	2,462.5	2,756.9	427.5	407.9
Wang tunai dan deposit	6,080.2	6,513.2	5,258.9	5,789.1
Aset-aset lain ¹	1,746.6	1,799.9	1,509.0	1,851.1
Jumlah	44,926.4	47,514.5	14,937.5	15,689.8

^P Data awal.¹ Termasuk aset asing, aset lain dan pelaburan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Industri Insurans

Prestasi yang meningkat bagi insurans am dengan jualan kukuh kenderaan bermotor...

Pada separuh pertama 2002, prestasi industri insurans yang terdiri daripada insurans hayat dan am adalah bercampur. Perniagaan **insurans hayat** terjejas dengan ketara akibat pemberhentian skim anuiti oleh KWSP, dengan premium perniagaan baru insurans hayat berkurang 55.1% kepada RM1,660 juta (Januari-Jun 2001: RM3,694 juta), seperti di *Jadual 5.9*. Walau bagaimanapun, dengan pengecualian premium diperolehi daripada skim anuiti, premium perniagaan baru insurans hayat meningkat 28.1% (Januari-Jun 2001: 6.5%). Jumlah nilai baru diinsuranskan meningkat sedikit, iaitu 4.9% kepada RM70,376 juta (Januari-Jun 2001: RM67,061 juta). Jumlah aset dana insurans hayat meningkat 14.5% kepada RM47,514 juta (Januari-Jun 2001: RM41,507 juta), seperti di *Jadual 5.10*.

JADUAL 5.11

**Insurans Am:
Pertumbuhan dan Agihan Premium
(Januari-Jun)**

Sektor	2001 (RM juta)	2002	Pertumbuhan (%)
Motor	1,466.8	1,647.3	12.3
Marin, Udara dan Transit	279.5	456.6	63.4
Kebakaran	696.8	765.6	9.9
Pelbagai	764.0	928.1	21.5
Premium langsung kasar	3,207.1	3,797.6	18.4

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Sebahagian besar aset dilaburkan dalam sekuriti hutang dan korporat untuk menyumbang 48.4% daripada jumlah aset (Januari-Jun 2001: 47.4%).

Sebaliknya, prestasi **insurans am** lebih memberangsangkan dengan jumlah premium langsung kasar mencatat pertumbuhan dua digit sebanyak 18.4% kepada RM3,798 juta dalam separuh pertama tahun 2002 (Januari-Jun 2001: RM3,207 juta), seperti di *Jadual 5.11*. Insurans kenderaan meningkat 12.3% mencerminkan peningkatan jualan kenderaan bermotor dan kekal mencakupi bahagian terbesar sebanyak 43.4% daripada jumlah premium kasar langsung. Pelaburan dana insurans am dikuasai oleh pegangan wang tunai dan deposit, iaitu merangkumi 36.9% daripada jumlah aset, diikuti dengan sekuriti korporat dan hutang sebanyak 31.7%.

Seiring dengan perubahan lanskap sektor kewangan yang bercirikan persaingan yang meningkat serta permintaan pengguna yang semakin canggih, usaha selanjutnya telah diambil untuk meningkatkan keupayaan dan daya saing insurans domestik. Pengenalan keperluan modal yang lebih tinggi sejak 30 September 2001 telah

berjaya menghasilkan sektor insurans dengan permodalan yang bertambah baik serta membantu program penggabungan. Sejak tahun 1999, 10 penggabungan dan pengambilalihan (M&A) yang melibatkan 20 penanggung insurans telah disempurnakan, sementara enam M&A yang melibatkan 11 penanggung insurans berada di pelbagai peringkat pelaksanaan pada akhir Jun 2002.

Insurans Takaful

Insurans Takaful merupakan alternatif kepada insurans konvensional dengan menawarkan produk insurans yang berasaskan prinsip Islam. Langkah untuk meningkatkan lagi pembangunan industri takaful termasuk meransang persaingan dan mempercepatkan pengembangan perniagaan takaful. Terutamanya pelesenan pengendali insurans takaful yang ketiga yang memulakan operasinya pada bulan Julai 2002 akan dapat menyumbang kepada pertumbuhan perniagaan takaful.

Dalam tempoh enam bulan pertama, industri takaful mengalami pertumbuhan yang lebih perlahan dengan jumlah sumbangan untuk sijil baru dan jumlah diinsuranskan bagi perniagaan *takaful* keluarga mencatatkan RM209 juta dan RM7,695 juta (Januari-Jun 2001: RM777 juta dan RM8,319 juta), seperti di *Jadual 5.12*. Pertumbuhan yang perlahan ini disebabkan, terutamanya oleh pemberhentian sistem Anuiti *Takaful* KWSP pada Mei 2001. Walau bagaimanapun, prestasi perniagaan *takaful* am adalah lebih baik dengan jumlah sumbangan kasar mengembang 9% kepada RM158 juta (Januari-Jun 2001: RM145 juta).

Jumlah aset dana takaful dan dana pemegang saham meningkat sederhana sebanyak 10.5% kepada RM3,485 juta pada akhir Jun 2002 (akhir Jun 2001: 44.8%), selaras dengan momentum pertumbuhan perniagaan takaful yang perlahan. Sebahagian besar aset *takaful* atau 80.3% telah dilaburkan ke dalam sekuriti korporat, disimpan dalam deposit pelaburan di bank dan dalam Terbitan Pelaburan Kerajaan.

JADUAL 5.12

Perniagaan Takaful Keluarga dan Am

	Tahun Kewangan 2001	Sehingga 30 Jun 2002 ^p
Aset¹ (RM juta)	3,155.0	3,485.5
Terbitan Pelaburan Kerajaan	428.7	195.7
Deposit pelaburan:		
- Bank Islam Malaysia Bhd.	1.5	1.3
- Lain-lain	1,268.1	1,250.1
Sekuriti korporat	742.5	1,352.6
Tunai dan deposit	27.4	14.5
Pembiayaan	454.7	137.4
Aset tetap	137.1	136.2
Lain-lain	95.0	397.5
Perniagaan Takaful Keluarga		
Perniagaan baru:		
Jumlah sumbangan (RM juta)	1,142.9	209.1
Jumlah penyertaan (RM juta)	19,562.9	7,695.5
Bilangan sijil	218,394	118,363
Perniagaan berkuatkuasa:		
Jumlah sumbangan (RM juta)	2,293.2	1,831.7
Jumlah penyertaan (RM juta)	50,019.2	57,865.7
Bilangan sijil	773,054	889,133
Perniagaan Takaful Am		
Caruman kasar (RM juta)	266.8	158.2
Tuntutan bayaran bersih (RM juta)	52.0	44.0

^p Data awal.¹ Aset dana takaful keluarga, dana takaful am dan dana pemegang saham.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Pasaran Modal

Dana yang diperolehi daripada pasaran modal berkurangan kerana penebusan yang lebih tinggi...

Pasaran modal, merangkumi pasaran ekuiti dan bon, kekal sebagai sumber pembiayaan yang penting. Pada tujuh bulan pertama 2002, jumlah dana kasar yang diperolehi daripada pasaran modal berjumlah RM37,671 juta, iaitu RM30,610 juta diperolehi oleh sektor swasta dan selebihnya sebanyak RM7,061 juta oleh sektor awam, seperti di *Jadual 5.13*. Walau bagaimanapun penebusan yang lebih tinggi berjumlah RM27,413 juta menyebabkan dana bersih yang diperolehi lebih rendah, iaitu sebanyak RM10,258 juta (Januari-Julai 2001: RM14,395 juta). Sektor awam memperoleh dana, terutamanya melalui terbitan SKM berjumlah RM6,589 juta. Ini mencerminkan komitmen Kerajaan untuk menyediakan ukur rujuk kadar hasil serta untuk mendapatkan pembiayaan dari sumber tanpa inflasi bagi membiayai defisit fizikal. Memandangkan terdapat mudah tunai yang mencukupi, peminjaman sektor awam melalui terbitan SKM tidak mewujudkan *crowding out* bagi keperluan pembiayaan sektor swasta. Penebusan SKM berjumlah RM5,900 juta menyebabkan dana bersih yang diperolehi oleh sektor awam lebih rendah, iaitu berjumlah RM1,157 juta (Januari-Julai 2001: RM4,038 juta).

Di pasaran PDS pula, dana kasar yang diperolehi adalah lebih tinggi iaitu sebanyak RM20,991 juta pada tempoh tujuh bulan pertama 2002 (Januari-Julai 2001: RM16,878 juta), memandangkan sektor korporat mengambil kesempatan ke atas kadar faedah yang rendah dan mudah tunai yang mencukupi serta pelabur lebih cenderung untuk memilih pelaburan yang lebih stabil. Perkembangan ini mencerminkan peningkatan peralihan tumpuan kepada pasaran bon untuk pembiayaan jangka panjang dan untuk memudahkan program penstrukturan hutang yang lebih pesat. Sekuriti hutang berasaskan Islam merupakan sumber pembiayaan paling digemari, merangkumi 49.3% daripada dana yang diperolehi melalui pasaran PDS. Penebusan yang tinggi sepanjang tempoh ini berpunca terutamanya oleh penebusan bon yang belum dijelaskan sebuah syarikat infrastruktur di bawah program penstrukturan semula hutangnya. Sehubungan

JADUAL 5.13

Dana yang Diperoleh dari Pasaran Modal (RM juta) (Januari-Julai)

	2001	2002 ^p
Oleh Sektor Awam		
Hutang Sekuriti		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	11,256.7	6,589.4
Bon Khazanah	583.3	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan	1,805.5	-
Bon Simpanan Malaysia	-	471.5
Terbitan baru sekuriti Kerajaan	13,645.5	7,060.9
Tolak: Penebusan		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	6,600.0	5,900.0
Terbitan Pelaburan Kerajaan	2,000.0	-
Bon Simpanan Malaysia	7.3	3.6
Bon Khazanah	1,000.0	-
Dana bersih diperolehi	4,038.1	1,157.3
Oleh Sektor Swasta		
Saham¹		
Tawaran Awam Permulaan	1,565.6	6,541.2
Terbitan hak	801.4	1,366.6
Penempatan persendirian	1,651.0	1,454.7
Terbitan Khas	32.9	65.7
Waran	408.0	190.8
Terbitan saham baru	4,458.9	9,619.0
Sekuriti Hutang² (kasar)		
Bon langsung	749.0	1,290.8
Bon boleh tukar	1,380.2	1,187.7
Bon Islam	6,490.8	10,347.2
Bon dengan waran	762.80	150.0
Bon Cagamas	4,495.0	8,015.0
Terbitan baru sekuriti hutang	16,877.8	20,990.7
Tolak: Penebusan		
Sekuriti Hutang Swasta ³	7,664.5	18,412.3
Bon Cagamas	3,315.0	3,097.0
Terbitan bersih sekuriti hutang	5,898.3	(518.6)
Dana bersih diperolehi	10,357.3	9,100.4
Jumlah bersih dana yang diperolehi	14,395.4	10,257.7

^p Data awal.

¹ Tidak termasuk dana yang diperolehi melalui penggunaan Skim Opsyen Saham Pekerja, Hak Langganan Boleh Pindah dan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus.

² Termasuk bon yang diterbitkan oleh institusi perbankan sejak Julai 2000.

³ Termasuk semua bon biasa, bon dengan waran, bon boleh tukar dan bon berasaskan prinsip Islam.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 5.14

Terbitan Baru PDS mengikut Sektor¹ (Januari-Julai)

Sektor	2001		2002 ^p	
	RM juta	Sumbangan (%)	RM juta	Sumbangan (%)
Pertanian	-	-	-	-
Perkilangan	1,601.6	13.2	547.2	4.2
Pembinaan	1,865.5	15.4	598.5	4.6
Elektrik, gas dan bekalan air	2,830.4	23.4	819.0	6.3
Perdagangan borong & runcit, restoran dan hotel	250.0	2.1	285.0	2.2
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	2,496.7	20.6	6,197.6	47.8
Perkhidmatan kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan	2,949.6	24.4	1,396.0	10.8
Kerajaan dan lain-lain	99.1	0.9	3,132.5	24.1
Jumlah	12,092.9	100.0	12,975.8	100.0

¹ Tidak termasuk Bon Cagamas.

^p Data awal.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

itu, secara bersih, dana yang diperoleh sektor swasta mencatatkan penebusan bersih sebanyak RM519 juta. Dana yang diperoleh melalui PDS terutamanya adalah untuk sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi serta perkhidmatan kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan, seperti di *Jadual 5.14*.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2002, dana yang diperoleh melalui terbitan ekuiti meningkat kepada RM9,619 juta (Januari-Julai 2001: RM4,459 juta). Dana yang diperoleh adalah terutamanya melalui IPO dan penempatan persendirian. IPO yang diperoleh pada

sepanjang tempoh ini, berjumlah RM6,541 juta dan mencakupi lebih daripada separuh pembiayaan melalui pasaran ekuiti. Tanda-tanda positif pemulihan ekonomi dalam negeri serta perkembangan menggalakkan seperti peningkatan penarafan Malaysia oleh agensi penarafan kredit antarabangsa, prestasi korporat yang lebih baik dan perkembangan positif penstrukturan korporat telah meningkatkan sentimen pasaran dan menarik minat sektor swasta untuk disenaraikan di BSKL bagi membiayai operasi serta pengembangan syarikat. Penyenaraian dua syarikat gergasi Malaysia di sektor telekomunikasi dan infrastruktur telah meningkatkan lagi minat pelabur dan memperbaiki kedalaman pasaran dengan ketara. Prestasi BSKL jauh lebih baik daripada bursa serantau yang lain dan bursa utama dunia. Sentimen yang lebih baik di BSKL sebagai satu punca pembiayaan juga dibuktikan dengan kebanyakan IPO terlebih langganan. Kebanyakan IPO juga diniagakan pada harga yang lebih tinggi daripada harga tawaran pada akhir hari pertama dagangan.

Cagamas, syarikat gadai janji nasional, kekal sebagai peserta penting di pasaran modal dengan menerbitkan 24 PDS bernilai RM14,820 juta pada tempoh tujuh bulan pertama 2002 (Januari-Julai 2001: RM11,055 juta daripada 29 terbitan). Pembiayaan jual beli dan pemajakan yang diperolehi oleh Cagamas mencatatkan peningkatan sebanyak 28% kepada RM4,255 juta (Januari-Julai 2001: RM3,323 juta), terutamanya disebabkan oleh aktiviti lindung nilai bagi portfolio kadar faedah tetap oleh syarikat kewangan. Pinjaman perumahan yang dibeli oleh Cagamas juga meningkat sebanyak 32% kepada RM3,006 juta (Januari-Julai 2001: RM2,277 juta) disebabkan institusi kewangan mengambil kesempatan terhadap persekitaran kadar faedah yang rendah untuk mengikat pembiayaan bagi jangka masa panjang. Peningkatan ini juga mencerminkan pasaran harta kediaman yang menggalakkan dengan pelbagai pakej pinjaman perumahan ditawarkan oleh institusi kewangan. Satu perkembangan penting bagi Cagamas adalah pembelian pertama pembiayaan sewa beli berasaskan syariah Islam bernilai RM500 juta berikutan pengenalannya pada Disember 2001, justeru membolehkan Cagamas mendapat kepelbagaian aset bagi tujuan penselidikan.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2002, bilangan penarafan yang telah diuruskan oleh **Rating Agency Malaysia (RAM)** dan **Malaysian Rating Corporation (MARC)** meningkat sebanyak 30.5% bernilai RM18,967 juta (Januari-Julai 2001: RM14,538 juta) yang menunjukkan pasaran bon yang aktif. Sebahagian besar penarafan yang telah diuruskan adalah untuk terbitan jangka panjang dan sederhana, iaitu mewakili 96% dan 97.4% daripada jumlah bilangan penarafan dan nilai kasar. Ini menunjukkan peningkatan minat terhadap sekuriti jangka masa panjang, memandangkan persekitaran kadar faedah yang rendah. Dalam tempoh ini, RAM telah menaraf sebanyak 42 terbitan baru bernilai RM17,042 juta, sementara MARC telah menaraf sebanyak 9 terbitan baru bernilai RM1,925 juta. Sebahagian besar terbitan bon jangka panjang yang ditaraf adalah dalam kategori AA dan A, menunjukkan peningkatan minat kepada pasaran bon oleh syarikat dengan kualiti kredit yang tinggi. Agensi penarafan tempatan terus memainkan peranan dalam membangunkan pasaran modal, terutamanya pasaran modal berasaskan Islam melalui beberapa siri ceramah untuk meningkatkan kesedaran mengenai PDS berasaskan Islam.

Bursa Saham Kuala Lumpur

BSKL mencatat bilangan tertinggi IPO sebelum konsolidasi...

Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) memulakan tahun 2002 dengan lebih optimistik, berikutan keyakinan pelabur yang melonjak hasil perkembangan menggalakkan dalam penggabungan dan penstrukturan semula korporat serta prospek ekonomi domestik yang bertambah baik. Tanda aras Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) ditutup lebih tinggi pada 718.82 mata pada akhir Januari (akhir 2001: 696.09 mata). Arah aliran KLCI terus meningkat berikutan peningkatan penarafan Malaysia daripada stabil kepada positif oleh agensi penarafan antarabangsa, justeru menarik minat pelabur asing kepada BSKL. KLCI mencecah tahap tertinggi sejak Julai 2000 untuk ditutup pada 808.07 mata pada 23 April 2002, iaitu peningkatan sebanyak 16.1% berbanding akhir 2001. Jumlah urus niaga

juga meningkat dengan ketara sebanyak 36.1% kepada 10,278 juta unit bernilai RM20,244 juta pada bulan April berbanding 7,552 juta unit bernilai RM13,962 juta pada bulan Januari. Nilai pasaran adalah lebih tinggi, iaitu pada tahap RM551,830 juta pada akhir April, meningkat sebanyak 15.2% sejak akhir Januari.

Walau bagaimanapun, arah aliran KLCI yang meningkat tidak kekal, memandangkan sentimen pelabur dipengaruhi oleh kejatuhan pasaran di AS sejak Mei, berikutan pendedahan skandal perakaunan korporat serta keluaran data ekonomi yang lemah, seperti di *Carta 5.7*. Justeru KLCI juga mengalami konsolidasi pasaran untuk ditutup pada 711.36 mata pada akhir Ogos. Meskipun, dengan peningkatan KLCI sebanyak 4.2%, sejak awal Januari 2002, pencapaian BSKL adalah lebih baik berbanding bursa saham serantau terpilih seperti Taipei, Hong Kong, Singapura dan Manila, yang turun 14.9%, 11.5%, 8.4% dan 5.7% seperti di *Jadual 5.15*. Dari segi nilai pasaran, BSKL menduduki tempat ke17 di kalangan 44 pasaran pada akhir Julai 2002.

Pada tempoh lapan bulan pertama 2002, jumlah urus niaga yang dicatatkan di BSKL meningkat 60% kepada 43,831 juta unit (Januari-Ogos 2001: 27,431 juta unit), sementara purata urus niaga harian melonjak 59.3% untuk mencecah 266 juta

unit (Januari-Ogos 2001: 167 juta unit), seperti di *Jadual 5.16*. Keyakinan pelabur yang bertambah baik dan kesan kekayaan positif hasil daripada prestasi BSKL yang lebih baik menyaksikan bilangan IPO melonjak kepada 44 dalam tempoh lapan bulan pertama 2002 berbanding hanya 20 IPO untuk keseluruhan tahun 2001. Dana yang diperolehi daripada 44 IPO dalam pasaran pasaran ekuiti meningkat dengan ketara kepada RM 6,740 juta berbanding RM2,831 juta untuk keseluruhan tahun 2001, seperti di *Carta 5.8*.

Sejajar dengan perakuan Pelan Induk Pasaran Modal (CMP) untuk mewujudkan bursa saham Malaysia tunggal pada tahun 2002, penggabungan Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia (MESDAQ) dengan BSKL telah berjaya disempurnakan pada 18 Mac 2002. Pelancaran pasaran MESDAQ di BSKL telah memperlihatkan peningkatan aktiviti dan menghasilkan mudah tunai yang lebih baik dan lonjakan urus niaga saham. Justeru, Indeks Pasaran Mesdaq (MMI), yang sebelumnya dikenali sebagai Indeks Komposit Mesdaq (MCI) ditutup tinggi pada 174.75 mata pada akhir Mac (akhir Februari 2002: 98.45 mata), seperti di *Carta 5.9*, berikutan peningkatan akses pelabur kepada pasaran. Walau bagaimanapun, MMI ditutup lebih rendah pada 101.3 mata pada akhir Ogos, selaras dengan konsolidasi BSKL.

JADUAL 5.15

Prestasi Pasaran Saham Serantau

	1 September 1998	2 Januari 2002	Akhir Ogos 2002	Perubahan (%)	
				(1 September 98 vs. Akhir Ogos)	(2 Januari 02 vs. Akhir Ogos)
Pasaran Saham					
Bangkok	211.09	305.19	361.72	71.4	18.5
Hong Kong	7,062.47	11,350.85	10,043.87	42.2	-11.5
Jakarta	325.85	383.46	443.67	36.2	15.7
Kuala Lumpur	262.70	682.83	711.36	170.8	4.2
Manila	1,191.76	1,169.57	1,103.36	-7.4	-5.7
Seoul	309.71	724.95	736.40	137.8	1.6
Singapura	823.33	1,625.69	1,488.50	80.8	-8.4
Taipei	6,335.09	5,600.05	4,764.94	-24.8	-14.9
Tokyo	14,369.63	10,542.62*	9,619.30	-33.1	-8.8

* Indeks penutup pada 3 Januari 2002.

Sumber: BSKL dan Bloomberg.

JADUAL 5.16



**Bursa Saham Kuala Lumpur:
Penunjuk Terpilih
(Januari-Ogos)**

	2001	2002
Indeks harga¹		
Komposit	687.16	711.36
Emas	164.58	173.50
Papan Kedua	134.65	115.76
Pasaran Mesdaq	-	101.30
Jumlah urus niaga²		
Jumlah (juta unit)	27,431	43,831
Nilai (RM juta)	49,470	93,386
Purata urus niaga harian²		
Jumlah (juta unit)	167.26	256.64
Nilai (RM juta)	301.65	565.98
Nilai pasaran ¹ (RM juta)	466,110	529,528
Nilai pasaran ¹ / KDNK (%)	135.2	149.6
Jumlah Syarikat yang disenaraikan¹	807	859
Papan Utama	513	556
Papan Kedua	294	292
Pasaran Mesdaq	-	11
Mudah tunai pasaran¹		
Nilai urus niaga/ Nilai pasaran (%)	10.6	17.6
Jumlah urus niaga/ Bilangan sekuriti yang disenaraikan (%)	14.0	19.6
Penumpuan pasaran¹		
10 saham dengan nilai pasaran tertinggi/ Nilai pasaran (%)	36.1	32.7
Purata modal berbayar syarikat broker saham ¹ (RM juta)	141.54	156.26

¹ Pada akhir tempoh.² Urus niaga pasaran sahaja.

Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur.


CARTA 5.7

Prestasi Pasaran Saham Terpilih
¹ Indeks penutup bulanan.² Skala kanan.¹ Merujuk kepada papan utama dan kedua Bursa Saham Kuala Lumpur.

Sumber: KLSE, Bloomberg.

CARTA 5.8

Dana yang diperoleh daripada Tawaran Awam Permulaan (IPO)



Industri Unit Amanah

Produk inovasi yang tinggi memacu pertumbuhan industri unit amanah...

Industri unit amanah terus memberikan pelbagai peluang pelaburan kepada pelabur. Produk inovasi yang tinggi dan peningkatan usaha pemasaran mendorong pertumbuhan industri unit amanah dari segi jenis dan bilangan unit dana dan akaun serta unit dalam edaran. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2002, 13 unit baru telah dilancarkan (2001: 30 dana) menjadikan jumlah dana unit amanah kepada 161, terdiri daripada 129 dana swasta dan 32 dana yang disokong Kerajaan, seperti di *Jadual 5.17*. Unit dalam edaran meningkat 8.8% kepada 77,679 juta unit pada akhir Julai 2002 (akhir 2001: 71,392 juta

unit). Nilai aset bersih (NAV) industri unit amanah meningkat 14.5% kepada RM54,206 juta (akhir 2001: RM47,340 juta) selaras dengan sentimen positif di pasaran ekuiti sebelum konsolidasi. Namun demikian, nisbah NAV industri unit amanah kepada nilai pasaran BSKL berkurang sedikit kepada 10.16% (akhir 2001: 10.18%).


Bursa Derivatif Malaysia

Harga CPO yang lebih tinggi dalam pasaran hadapan yang lemah...

Prestasi Bursa Derivatif Malaysia (MDEX) adalah bercampur dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2002. Aktiviti dagangan **Niaga Hadapan Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (Niaga Hadapan KLSE CI)** lemah iaitu merosot 19.7% kepada 141,857 kontrak (Januari-Julai

CARTA 5.9

Pergerakan Indeks Pasaran Mesdaq Berbanding Indeks Komposit BSKL



JADUAL 5.17

**Industri Unit Amanah:
Penunjuk Terpilih**

	Akhir 2001			Akhir Julai 2002		
	Dana yang Disokong Kerajaan	Dana Swasta	Jumlah	Dana yang Disokong Kerajaan	Dana Swasta	Jumlah
Jumlah syarikat pengurusan unit amanah	10	27	37	10	27	37
Jumlah dana unit amanah ¹	32	116	148	32	129	161
Unit dalam edaran (juta)	41,948	29,444	71,392	43,832	33,847	77,679
Bilangan akaun (juta)	8.609	1.381	9.990	8.734	1.505	10.239
Nilai aset bersih (NAV) (RM juta)	30,980	16,360	47,340	34,605	19,601	54,206
NAV/Nilai pasaran BSKL (%)	6.66	3.52	10.18	6.49	3.67	10.16

¹ Merujuk kepada dana yang telah dilancarkan.

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti.

2001: 176,727 kontrak). Ini disebabkan oleh kurangnya volitiliti dalam KLSE CI yang mengakibatkan penyertaan pelabur juga berkurang. Jumlah urus niaga **Opsyen Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (Opsyen KLSE CI)** juga kekal rendah pada tahap 565 kontrak sejak ianya diperkenalkan disebabkan kurang kefahaman mengenai produk ini dan keperluan margin yang tinggi.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2002, prestasi dagangan kontrak niaga hadapan **Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) 3-bulan** adalah lebih menggalakkan berikutan peralihan daripada sistem *open-outcry* kepada sistem elektronik dengan urus niaga meningkat 14.9% kepada 40,958 kontrak (Januari-Julai 2001: 35,657 kontrak). Peningkatan aktiviti dagangan disebabkan mudah tunai berlebihan di pasaran tunai antara bank di samping peningkatan minat dalam pasaran bon tempatan dan pasaran *swap* kadar faedah.

Dalam usaha untuk mempelbagaikan produk yang sedia ada, MDEX telah melancarkan **Niaga Hadapan Sekuriti Kerajaan Malaysia Lima Tahun (FMG5)** pada 29 Mac 2002. FMG5 adalah

kontrak niaga hadapan yang diselesaikan secara tunai untuk membeli dan menjual SKM dengan terbitan minimum sebanyak RM500 juta dan bertempoh matang antara 41/2 hingga 51/2 tahun. FMG5 menerima sambutan yang menggalakkan daripada peserta pasaran pada hari pertama dagangan untuk ditutup dengan 686 lot bernilai RM68.6 juta. Jumlah urus niaga sehingga akhir Julai mencecah 29,386 kontrak.

Dagangan **kontrak hadapan CPO** meningkat dengan ketara sebanyak 80.9% kepada 453,909 kontrak bersamaan 11.348 juta tan (Januari-Julai 2001: 250,912 kontrak bersamaan 6.273 juta tan). Peningkatan dagangan didorong oleh prospek eksport minyak sawit yang bertambah baik disebabkan oleh beberapa faktor seperti stok CPO yang berkurangan, ancaman China untuk mengenakan duti import ke atas minyak soya Amerika Syarikat dan pengukuhan nilai rupiah yang boleh menghadkan eksport dari Indonesia dan ini membuka peluang kepada Malaysia untuk mencari lebih ramai pembeli. Perkembangan ini telah melonjakkan harga kontrak hadapan CPO dengan tanda aras harga kontrak hadapan bulan ketiga mencecah RM1,545 setan metrik pada bulan Julai 2002 (Julai-

Disember 2001: RM913-RM1,264). Justeru, purata harga penyelesaian meningkat 22.2% kepada RM1,105 setan metrik dalam bulan Februari kepada RM1,350 setan metrik pada bulan Julai 2002. Prospek untuk harga CPO kekal positif dengan jangkaan pengurangan stok CPO dalam negeri dan dunia serta pengeluaran yang berkurangan sepanjang tahun.

Usaha terus diambil untuk memajukan lagi pasaran derivatif. Justeru, MDEX sentiasa menjalankan usaha untuk menggalakkan penyertaan institusi domestik serta membentuk pakatan strategik dengan bursa derivatif asing untuk meningkatkan mudah tunai pasaran dan penyertaan asing serta memperbaiki daya saing.

Langkah Utama Pasaran Modal

Peningkatan daya saing dan urus tadbir korporat menjadikan pasaran modal bertambah baik...

Langkah utama pasaran modal yang diperkenalkan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan BSKL untuk tempoh lapan bulan pertama 2002 adalah bertujuan meningkatkan usaha yang sedang dijalankan bagi menggalakkan kecekapan, ketelusan dan urus tadbir korporat, justeru meningkatkan daya tahan dan daya saing pasaran modal serta keyakinan para pelabur. Antara langkah utama pasaran modal adalah seperti berikut:

Penyempurnaan Penggabungan BSKL-MESDAQ

Perjanjian MESDAQ untuk menyertai kumpulan BSKL yang dimeterai pada Disember 2001 telah disempurnakan pada 18 Mac 2002. MESDAQ telah menamatkan urus niaga sebagai sebuah bursa tetapi mengekalkan namanya di bawah entiti penggabungan untuk beroperasi sebagai pasaran di BSKL. Penggabungan ini telah meluaskan lagi capaian pelabur kepada pasaran MESDAQ. Khususnya, 47 ahli syarikat broker saham (sebelumnya, 16) dan lebih daripada 7,000

wakil penjual (sebelumnya, kira-kira 1,000) kini mempunyai capaian kepada pasaran MESDAQ.

Demutualisasi Bursa Saham Malaysia

Langkah demutualisasi BSKL bermula dengan penggabungan bursa pasaran hadapan yang melibatkan Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (KLOFFE) dan Bursa Komoditi dan Kewangan Malaysia (COMMEX) pada tahun 2001 serta penggabungan MESDAQ dengan BSKL baru-baru ini. Penyenaraian bursa Malaysia disasarkan pada tahun 2003. Di bawah struktur demutualisasi, bursa saham akan ditukar daripada syarikat berjaminan terhad kepada syarikat awam. Objektif demutualisasi adalah untuk meletakkan BSKL sebagai peserta global dengan keupayaan untuk bertindak balas dengan pantas terhadap perubahan keperluan pasaran. Ia juga akan membantu pembangunan rantaian dan kerjasama strategik bertujuan menggalakkan mudah tunai dalam pasaran.

Penggabungan Industri Broker Saham

Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 yang telah dipinda pada 23 Mac 2002 dan berkuatkuasa mulai Jun, mewujudkan peruntukan perintah perletakhakan untuk mempercepatkan proses penggabungan industri broker saham. Terdapat kemajuan selanjutnya dalam penggabungan industri broker saham. Pada akhir Julai 2002, terdapat 46 syarikat broker saham (SBC) termasuk lima Broker Universal (akhir 2001: 60 SBC dan lima Broker Universal). Bilangan syarikat broker saham dijangka berkurangan kepada 33 apabila kesemua cadangan penggabungan disempurnakan. Selain daripada insentif cukai, fleksibiliti untuk membuka cawangan dan menawarkan pelbagai perkhidmatan pasaran modal, broker universal telah dibenarkan untuk menubuhkan kemudahan akses elektronik (EAF) bagi membolehkan pengembangan jangkauan pasaran yang berkesan dari segi kos. Sehingga akhir Julai, SC telah meluluskan dua Broker Universal untuk menubuhkan EAF di 17 lokasi dengan fleksibiliti untuk menawarkan diskaun.

Penggabungan ini telah mewujudkan satu kumpulan SBC yang lebih besar serta mempunyai modal yang lebih besar serta lebih kukuh, yang menawarkan pelbagai perkhidmatan pasaran modal kepada pelabur. Lebih penting lagi, penggabungan ini meletakkan industri broker saham pada tahap yang lebih kukuh untuk menghadapi cabaran deregulasi dan liberalisasi yang meningkat.

Memudahkan Penstrukturan Korporat

Pada bulan Mei, SC telah mengumumkan pelonggaran syarat bagi suntikan aset asing dan syarikat multi nasional ke dalam syarikat tersenarai Malaysia untuk memudahkan lagi penstrukturan korporat. Kelonggaran ini memberikan syarikat tersenarai terutamanya syarikat bermasalah lebih pilihan untuk memperoleh aset berkualiti dan mempelbagaikan pendapatan asas mereka.

Mekanisme Circuit Breaker

Pada bulan Mac, BSKL telah melaksanakan mekanisme *circuit breaker* di pasaran saham bertujuan untuk meningkatkan kestabilan pasaran dan keyakinan pelabur. Mekanisme *circuit breaker* berupaya untuk menghentikan sementara aktiviti urus niaga apabila terdapat kejatuhan besar pada hari dagangan. *Circuit Breaker* akan dicetuskan apabila KLCI jatuh sebanyak 10% atau lebih di bawah paras indeks penutup hari dagangan sebelumnya. Mekanisme ini juga akan memberikan sebaran maklumat yang lebih lengkap kepada pelabur dan membolehkan pelabur membuat keputusan pelaburan yang berhemah apabila dagangan disambung semula.

Liberalisasi Kos Urus Niaga

Kos urus niaga telah diliberalisasikan secara beransur-ansur dalam usaha menjadikan BSKL lebih kompetitif. Berkuatkuasa 1 Julai 2002, di bawah peringkat kedua liberalisasi kos, kadar komisen broker saham boleh dirunding bagi semua dagangan termasuk untuk produk derivatif

tertakluk kepada kadar maksimum 0.7% (sebelum ini, kadar komisen boleh dirunding untuk semua dagangan bernilai melebihi RM100,000 sementara dagangan dengan nilai kontrak RM100,000 atau ke bawah tertakluk kepada satu kadar tetap 0.75%). Caj pengendalian minimum bagi urus niaga pinjaman adalah sebanyak RM2 dan RM12 bagi urus niaga lain. Dalam usaha yang sama, berkuatkuasa 1 Julai 2002, pemegang amanah dan syarikat pengurusan tabung unit amanah boleh merunding fi pemegang amanah tanpa sebarang had minimum (sebelum ini, tidak kurang daripada 0.08% ke atas nilai aset bersih kasar skim).

Pasaran Derivatif

Selaras dengan usaha bagi membangunkan lagi pasaran derivatif dalam negeri, MDEX telah memperkenalkan kontrak niaga hadapan bon negara yang pertama, FMG5 pada bulan Mac. Produk ini menyediakan lebih peluang bagi pengurusan risiko dan lindung nilai kepada peserta pasaran, terutamanya dalam mengendalikan perubahan kadar faedah serta membantu meningkatkan mudah tunai dalam pasaran bon sekunder.

Peraturan perniagaan Rumah Penjelasan Derivatif Malaysia (MDCH) berhubung dengan Keahlian Rumah Penjelasan Langsung (DCM) telah dipinda pada bulan Januari. Kini DCM tempatan dibenarkan untuk menjelaskan perniagaan secara langsung dengan MDCH tanpa perlu melalui broker hadapan, justeru menjimatkan kos.

Pada bulan Mei, Seksyen 94(2)(a) Akta Industri Hadapan 1993 telah dipinda, membenarkan MDEX mendedahkan maklumat kepada KLSE bagi tujuan melaksanakan audit bersama. Ini adalah untuk meningkatkan rangka kerja pengawalseliaan secara keseluruhan ke arah menyediakan pengurusan risiko sistemik.

Industri Pengurusan Dana

Selaras dengan usaha bagi meningkatkan perilaku profesional di kalangan peserta industri pengurusan pelaburan, SC telah memperkenalkan

garis panduan mengenai perlantikan pemegang amanah bagi skim unit amanah dalam keadaan kemungkinan berlaku konflik kepentingan diri (Garis Panduan Membenarkan Individu Dilantik atau Bertindak Sebagai Pemegang Amanah di bawah Sub-seksyen 99(1) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993) pada Februari 2002. Garis panduan ini menjelaskan kategori individu yang boleh dianggap berada dalam keadaan berkepentingan sendiri dan individu yang layak dilantik atau bertindak sebagai pemegang amanah bagi skim unit amanah setelah mendapat kelulusan SC.

Selaras dengan langkah bagi melonggarkan peraturan industri pengurusan pelaburan secara beransur-ansur, SC telah memperkenalkan polisi baru (Nota Amalan 16 Garis Panduan mengenai Tabung Unit Amanah) pada Mei 2002 bagi membenarkan kumpulan syarikat atau individu yang mempunyai kepentingan yang melebihi daripada satu syarikat pengurusan unit amanah, tertakluk kepada syarat tertentu. Kelonggaran ini telah diperkenalkan memandangkan struktur pemegang saham dalam kumpulan syarikat yang telah bertambah kompleks.

Pasaran Bon Korporat

Jawatankuasa Pasaran Bon Negara (NBMC) yang ditubuhkan pada tahun 1999, terus memberikan hala tuju dasar ke arah membangunkan pasaran bon dengan SC sebagai agensi tunggal bagi pengawalseliaan pasaran bon sejak Julai 2000. Bagi meningkatkan lagi penyertaan perantara dalam pasaran bon, SC sedang dalam proses merangka Garis Panduan Keperluan Minimum Operasi dan Amalan Terbaik Perniagaan Sekuriti Hutang Tak Tersenarai oleh broker universal dan dijangka akan dikeluarkan pada tahun ini.

Selain daripada itu, garis panduan PDS dan sekuriti bersandarkan aset sedang dikaji semula untuk menyelaraskan lagi keperluan sedia ada bagi mengurangkan kos pengawalseliaan dan kos lain yang dihadapi oleh peserta pasaran. Garis panduan yang disemak semula itu dijangka

akan disempurnakan menjelang hujung tahun ini.

Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan

Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan (LFX) merupakan sebuah entiti milik penuh BSKL yang telah dilancarkan pada bulan November 2000. Objektifnya adalah untuk memudahkan mobilisasi dagangan dan perolehan dana melalui penyenaian dan instrumen kewangan pelbagai mata wang di pasaran luar pesisir Labuan. Langkah terus diambil untuk mempromosi LFX, termasuk usaha ke arah memperkenalkan LFX sebagai bursa alternatif (*surrogate exchange*) untuk membolehkan penerbit sekuriti hutang dari negara lain yang tidak mempunyai pasaran modal yang maju, memperoleh modal dari pasaran antarabangsa. Perkembangan utama bagi LFX adalah penyenaian bon global Sukuk Al-Ijarah yang dijadualkan pada bulan September, menjadikannya bon Islam Malaysia pertama yang ditawarkan kepada pasaran antarabangsa.

Pasaran Modal Islam

Pada bulan Julai, SC telah mengeluarkan dua set nota amalan (PN) berhubung dengan skim unit amanah berasaskan syariah bagi meningkatkan lagi pengurusan dan pentadbiran berkualiti bagi skim seumpamanya, sebagai usaha berterusan untuk membangun pasaran modal Islam. PN 18 mengenai Syarat Tambahan untuk Skim yang Diurus dan Ditadbir mengikut Prinsip Syariah akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2003, menggariskan peranan jawatankuasa/perunding skim syariah termasuk pemegang amanah dan pegawai yang bertauliah untuk mengawasi skim pengurusan bagi memastikan unit skim berasaskan syariah diurus dan ditadbir selaras dengan objektifnya.

PN 19 adalah Prosedur Pendaftaran dan Perlantikan Jawatankuasa /Perunding Syariah untuk Skim yang Diurus dan Ditadbir mengikut Prinsip Syariah telah berkuatkuasa pada 10 Julai. Ia menetapkan peraturan pendaftaran bagi jawatankuasa/perunding Syariah untuk skim berasaskan Syariah.

Industri Modal Teroka

Pada bulan Ogos, SC telah mengeluarkan garis panduan bagi membantu syarikat modal teroka (VCC) mendaftar dengan SC untuk mendapatkan status peniaga terkecuali. Garis panduan ini bertujuan memudahkan lagi pembangunan industri modal teroka agar lebih berkesan dalam memenuhi keperluan pembiayaan syarikat dengan potensi pertumbuhan tinggi. Di bawah garis panduan ini, VCC dan syarikat pengurusan modal teroka dikehendaki mengemukakan laporan tahunan berkala kepada SC. Laporan tahunan ini akan membantu SC menggubal keputusan dasar serta menilai kemajuan industri di samping memudahkan pengiktirafan VCC untuk pengecualian cukai.

Meningkatkan Urus Tadbir Korporat

Kawalan Dagangan Ke atas Syarikat PN4

Pada bulan Mac, BSKL telah mengenakan sekatan dagangan ke atas syarikat PN4 yang gagal mematuhi tempoh masa yang telah ditetapkan untuk memperbaiki keadaan kewangan mereka. Syarikat PN4 merupakan syarikat tersenarai yang gagal memenuhi syarat kewangan untuk meneruskan dagangan dan penyenaraian mereka di BSKL. Sekatan dagangan ini mensyaratkan pembeli saham syarikat PN4 membuat bayaran penuh terdahulu. Bagi tujuan memperingatkan lagi pelabur mengenai risiko berkaitan dengan dagangan saham syarikat PN4, satu klasifikasi khusus bagi syarikat PN4 juga telah diwujudkan.

Pengawalseliaan Berasaskan Penzahiran

Pengawalseliaan berasaskan penzahiran (DBR) penuh untuk penerbitan bon korporat telah pun dilaksanakan sejak Julai 2000. Bagi penerbitan ekuiti baru pula, kajian terhadap kesediaan pasaran telah disiapkan dan hasil kajian sedang dipertimbangkan bagi tujuan pelaksanaan DBR dalam tahun ini.

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti

Satu langkah utama yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Kewangan mengenai Urus Tadbir Korporat adalah penubuhan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada Ogos 2000. Objektif MSWG adalah melindungi kepentingan pemegang saham minoriti dengan menggembelng kekukuhan pelabur institusi besar seperti KWSP, PERKESO, Lembaga Tabung Haji, Permodalan Nasional Berhad dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dalam mengawasi dan memperkenalkan perubahan dalam syarikat di mana mereka membuat pelaburan. MSWG telah beroperasi sejak Julai 2001.

Antara perkhidmatan yang akan ditawarkan oleh MSWG termasuk memantau kegiatan korporat dan perkhidmatan undian proksi. MSWG akan menyediakan perkhidmatan undian proksi bagi pihak ahlinya semasa mesyuarat tahunan syarikat dan mesyuarat khas. Ianya juga akan memantau secara berterusan syarikat tersenarai, terutamanya berhubung dengan kegiatan urus tadbir korporat serta mendedahkan pelanggaran dan ketidakpatuhan yang menjejaskan hak sah serta kepentingan pemegang saham minoriti.

Tinjauan 2003

Dasar monetari menyokong inisiatif, dinamisme dan pertumbuhan sektor swasta...

Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka akan lebih kukuh pada tahun 2003, selaras dengan prospek perdagangan dunia yang lebih positif, sementara pertumbuhan pinjaman dijangka meningkat dengan prestasi ekonomi yang lebih baik. Dasar monetari pada tahun 2003 akan bertumpu kepada menyokong inisiatif, dinamisme dan pertumbuhan sektor swasta, memandangkan keperluan untuk melaksanakan strategi pertumbuhan yang didorong oleh aktiviti ekonomi dalam negeri. Pertumbuhan ekonomi yang perlahan dan serentak tiga ekonomi utama, iaitu AS, Jepun dan kawasan euro memerlukan penyusunan

MODAL TEROKA - MEMBIAYAI EKONOMI BARU

Pengenalan

Pengetahuan, inovasi dan kreativiti menjana pertumbuhan ekonomi baru seperti yang terbukti daripada pengalaman ekonomi yang dijana pengetahuan, seperti Amerika Syarikat (AS), Ireland, Finland, Jepun, Korea dan Taiwan. Sungguhpun pengetahuan semakin penting, namun pelabur dalam ide atau pengetahuan atau syarikat baru yang mempunyai inovasi sering menghadapi masalah untuk mendapat pembiayaan disebabkan nilainya yang *intangible*. Ini juga meningkatkan kemungkinan ketidakpastian pulangan serta jangka masa untuk merealisasikan pulangan daripada ide. Justeru, kaedah pembiayaan alternatif diperlukan untuk menanggung risiko bagi syarikat yang ada ide tetapi kekurangan dana. Sementara itu, pembiayaan daripada pasaran saham dan bon telah berkembang di Malaysia, terutamanya bagi membiayai projek jangka panjang dan dengan itu, tidak bergantung kepada pinjaman bank yang bersandarkan cagaran.

Industri modal teroka (VC) di Malaysia secara bandingan masih baru dan hanya dimulakan pada tahun 1980an. Sebaliknya, industri VC telah bermula di AS pada tahun 1950an dan banyak menyumbang kepada kejayaan Lembah Silikon. Ekonomi Asia yang lain, khususnya Taiwan, turut memberi tumpuan kepada pembangunan industri VC dan telah berjaya menubuhkan syarikat tempatan yang bertaraf dunia. Dengan menyedari kepentingan VC dalam membiayai inovasi dan teknologi tinggi, Kerajaan telah menyokong inisiatif VC di Malaysia. Meskipun terdapat kemerosotan syarikat dot.com dan berteknologi tinggi di AS baru-baru ini, aktiviti VC di Malaysia mesti berterusan untuk menyokong inovasi dan pengkomersilan ide supaya membolehkan ekonomi bersaing dan mencapai pembangunan mapan.

Inisiatif Modal Teroka (VC)

Kerajaan telah memberi tumpuan kepada usaha mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk industri VC. Antara yang terpenting adalah penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang menyediakan prasarana teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bertaraf dunia serta persekitaran untuk memupuk pembangunan teknologi tinggi oleh syarikat tempatan dan asing. Insentif cukai telah juga disediakan, seperti pengecualian cukai untuk pendapatan syarikat modal teroka (VCCs) serta potongan cukai untuk pembiayaan permulaan, modal benih dan pembiayaan peringkat awal bagi pelaburan dalam VCCs yang diluluskan.

Selain itu, Kerajaan telah menubuhkan dana khas VC bagi menggalakkan industri teknologi tinggi, seperti teknologi pembuatan automasi, teknologi bahan, bioteknologi, elektrik dan elektronik tinggi, teknologi maklumat, teknologi tenaga yang boleh diperbaharui serta teknologi asli. Ini termasuk satu dana sebanyak RM200 juta yang dilancarkan pada Jun 2000 untuk membiayai projek-projek teknologi tinggi di bawah Bank Industri dan Teknologi Malaysia Bhd. serta dua dana sebanyak RM150 juta yang juga dilancarkan dalam tempoh yang sama di bawah Mayban Venture Capital Company Sdn. Bhd. dan Commerce Technology Venture Sdn. Bhd. dengan sumbangan daripada Bank Negara Malaysia (BNM) sebanyak RM100 juta bagi setiap VCC. MSC Venture One, dana VC yang ditubuhkan terlebih awal berjumlah RM120 juta telah dilancarkan oleh Multimedia Development Corporation (MDC) pada tahun 1999 untuk menyediakan pembiayaan VC kepada syarikat teknologi maklumat dan multimedia.

MALAYSIA DEBT VENTURES BERHAD

Meskipun terdapat kemajuan dalam pembangunan industri VC sebagai satu cara pembiayaan alternatif bagi bidang pertumbuhan baru dan perniagaan berisiko tinggi, namun masih terdapat beberapa kekangan lagi. VCCs selalunya sukar mendapat sumber pembiayaan, memandangkan kepada sifat pelaburan mereka yang berisiko tinggi dan berjangka masa panjang, disamping tidak mempunyai rekod prestasi. Syarikat ICT juga turut menghadapi kesukaran untuk mendapatkan sumber pembiayaan daripada bank dan institusi kewangan kerana risiko mereka yang lebih tinggi, terutamanya pada peringkat pembiayaan modal benih, permulaan dan peringkat awal. Pihak bank lazimnya meminta aset sebagai cagaran kerana mereka tidak mengiktiraf aset *intangible* dalam bentuk ide atau pengetahuan. VCC turut kurang yakin untuk membiayai firma di peringkat permulaan serta firma berasaskan teknologi, kerana lebih cenderung membiayai peringkat pengembangan dan pra-IPO. Penubuhan Malaysia Debt Ventures Berhad pada Ogos 2002 bertujuan untuk menangani beberapa sokongan ini. Malaysia Debt Ventures Berhad menyediakan pinjaman-pinjaman kepada pemaju multimedia, pembekal khidmat pedagang dan syarikat yang menggunakan ICT dalam bidang pendidikan, kesihatan dan industri hiburan.

KELAYAKAN UNTUK MEMOHON DANA ICT

DEBT VENTURES menawarkan pinjaman berasaskan projek, skim jaminan bank dan skim eksport kewangan yang mana perkhidmatan-perkhidmatan sokongannya yang lain merangkumi pembinaan perniagaan, penyelidikan dan teknologi, khidmat nasihat korporat dan perniagaan juga pemerhatian projek. Dana ICT meliputi seluruh aspek industri yang menggunakan ICT bagi meningkatkan produktiviti dan memajukan inovasi dalam sektor awam dan swasta. **Pemohon yang berkeelayakkan** hendaklah memenuhi syarat yang berikut:

1. Syarikat awam dan swasta yang diperbadankan di Malaysia.
2. Modal minimum berbayar berjumlah RM100,000
3. Mempunyai sekurang-kurangnya 5 orang pekerja.
4. Berstatus atau tidak berstatus MSC dan tiada sekatan ke atas kerakyatan pemegang saham.
5. Tiada keperluan tertentu berkenaan rekod syarikat, bagaimanapun, rekod pengurusan adalah penting.
6. Syarikat yang menyediakan atau memperoleh penyelesaian ICT dengan nilai ditambah yang tinggi, lain-lain produk atau perkhidmatan ICT yang bernilai tinggi dan juga syarikat yang menyediakan barangan kepada syarikat ICT untuk digunakan di dalam pengeluaran produk dan perkhidmatan ICT dengan nilai ditambah yang tinggi.

Pemohon juga mesti memberi pertimbangan ke atas perkara berikut:

1. Pemohon seharusnya memberi pertimbangan kepada faktor persekitaran yang bersesuaian ke atas kawalan pencemaran, kesan ekologi dan kesan sosial daripada projek.
2. Pemohon adalah dikehendaki memberikan segala maklumat mengenai kesan projek ke atas persekitaran secara umum.

Pemohon yang terlibat di dalam industri-industri berikut **adalah tertakluk kepada kelulusan daripada Japan Bank of International Cooperation ("JBIC")** dan justeru itu, memerlukan masa penilaian yang panjang:

1. Pembuatan tekstil.
2. Pengacuan logam.
3. Pertanian/pengeluaran makan dan/atau pemprosesan.

Projek-projek yang **tidak layak** untuk menerima Dana ICT adalah seperti berikut:

1. Projek yang berlokasi di "Kawasan Sensitif" atau memberi kesan ke atas kawasan yang terpelihara. "Kawasan Sensitif" termasuk hutan asas, hutan hujan tropika, tanah-lembab negeri yang dikhususkan, terumbu karang, paya bakau, tanah landai pasang surut, kawasan-kawasan yang dilindungi, taman nasional, kawasan pantai negeri yang ditandakan, habitat spesis yang akan lupus, kawasan warisan dunia, kawasan bermastautin etnik minoriti atau masyarakat orang asli dan kawasan yang mana setinggan berskala besar mungkin berlaku.
2. Projek yang berkaitan dengan import/eksport dan pengeluaran barang-barang yang merbahaya kepada manusia, iaitu termasuk tetapi tidak terhad kepada '*polychlorinate biphenyl*', asbestos, bahan radioaktif atau barangan dagangan antarabangsa yang tidak dibenarkan di bawah mana-mana perjanjian antarabangsa yang ditandatangani Jepun.
3. Projek yang melibatkan pengeluaran atau pembekalan barangan-barangan kepada syarikat yang mengeluarkan peralatan ketenteraan atau barangan-barangan dan/atau perkhidmatan-perkhidmatan yang dianggap menghina moral atau tatasusila masyarakat umum.

Penilaian Permohonan

Selepas penapisan permulaan dan penerimaan tawaran penunjuk oleh pemohon beserta penyerahan maklumat lengkap, DEBT VENTURES memerlukan anggaran empat (4) minggu untuk penilaian ketekunan wajar dan keputusan ke atas permohonan pinjaman sebelum proses dokumentasi undang-undang dan pemberian dana.

Belanjawan 2001 telah juga mengumumkan penubuhan dana yang lebih besar berjumlah RM500 juta. Dana ini dikendalikan oleh syarikat milik Kerajaan, iaitu Malaysia Venture Capital Management Bhd. (MAVCAP) dengan tujuan strategik menyediakan sumber alternatif modal risiko kepada syarikat-syarikat dalam sektor ICT dan pertumbuhan tinggi di peringkat pembiayaan modal benih/permulaan/peringkat awal di samping menjana pembangunan *innopreneur* bagi mewujudkan kekayaan dalam ekonomi baru serta memacu pembangunan industri VC.

Inisiatif VC yang baru adalah dana ICT sebanyak RM1,600 juta yang dilancarkan pada 30 Ogos 2002. Dana ini dianjurkan oleh Kerajaan Jepun melalui Japan Bank for International Cooperation (JBIC), dengan sektor ICT sebagai sasaran utamanya. Dana ini diuruskan oleh Malaysia Debt Ventures Berhad yang baru ditubuhkan, yang sebelum ini merupakan satu bahagian di bawah MAVCAP. Dana ICT ini menerima permohonan untuk pembiayaan mulai 2 September.

Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia (MESDAQ) telah dilancarkan pada tahun 1999 sebagai bursa untuk syarikat membangun dan syarikat teknologi di samping menyediakan pilihan laluan keluar yang berdaya maju bagi VCCs. Sejak Mac 2002, MESDAQ telah bergabung dengan Bursa Saham Kuala Lumpur, dan dengan itu memperluaskan asas pelaburnya. Sementara itu, kedua-dua Pelan Induk Sektor Kewangan dan Pelan Induk Pasaran Modal telah turut menangani mengutarakan isu berkaitan pembangunan industri VC yang aktif bagi membantu pertumbuhan jangka panjang ekonomi.

Bagi sektor swasta pula, inisiatif yang telah diambil untuk membangunkan industri VC termasuk penubuhan Malaysian Venture Capital Association (MVCA), yang merangkumi 44 VCCs dengan jumlah saiz dana sebanyak RM1,000 juta pada akhir Jun 2001. Selain itu, sektor swasta juga aktif dalam menganjurkan pertandingan pelan perniagaan. Pertandingan pertama, *Venture 2001* telah dilancarkan pada November 2000, dengan objektif menjadikan ide yang berpotensi kepada perniagaan sebenar serta memupuk budaya keusahawanan di Malaysia. Pertandingan ini telah menarik pelan perniagaan dalam bidang seperti teknologi maklumat, telekomunikasi, elektronik, pembuatan dan sains hayat. Pertandingan kedua, *Venture 2002* yang merangkumi tiga fasa, telah dilancarkan pada Januari 2002 dan telah menarik sejumlah 214 pelan perniagaan di bawah fasa pertama yang berakhir pada 22 Mac.

Pertumbuhan dan Hala Tuju Pembiayaan

Bilangan VCCs yang dipantau oleh BNM telah meningkat kepada 36 pada akhir 2001 (akhir 2000: 31), sementara syarikat yang menerima pelaburan VC telah meningkat kepada 180 (akhir 2000: 159). Walau bagaimanapun pelaburan pada tahun 2001 turun 16.7% kepada RM109.3 juta sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang perlahan. Sebahagian besar pelaburan, iaitu sebanyak RM76 juta atau 70% terus dilabur dalam sektor ICT. Pelaburan dalam sektor pembuatan masih ketara pada RM16.8 juta, merangkumi 15% daripada jumlah keseluruhan pelaburan dengan sebahagian besar (RM11.3 juta) dilaburkan dalam teknologi elektronik tinggi.

VCCs menyediakan pelbagai jenis pembiayaan kepada syarikat yang dilabur. Ini termasuk pembiayaan modal benih, permulaan, peringkat awal yang lain, pengembangan, penyambungan atau pra-tawaran awam permulaan (IPO) dan pembiayaan pengambilalihan atau beli habis. Sebahagian yang lebih besar, iaitu sebanyak 62% daripada jumlah pelaburan VCCs telah dilaburkan di peringkat pembiayaan permulaan dan peringkat awal (2000: 27%), mencerminkan peningkatan toleransi risiko oleh industri VC dalam menyokong syarikat semasa berada dalam tempoh yang lebih berisiko.

Dana/Syarikat Modal Teroka

	Pada akhir	
	2000	2001 ^P
Bilangan dana/syarikat modal teroka	31	36
Bilangan syarikat yang dilabur	159	180
Sumber (RM juta)		
Dana pemegang saham	972.6	983.2
Tanggungan	543.4	993.8
Penggunaan (RM juta)		
Pelaburan dalam syarikat yang dilabur	718.2	652.9
Aset lain	797.8	1,324.0
Jumlah	1,516.0	1,976.9

^P Awal

Sumber: Bank Negara Malaysia.



Pelaburan oleh Dana/Syarikat Modal Teroka

	2000	2001 ^P
Bilangan syarikat yang dilabur	35	42
Pelaburan sepanjang tahun (RM juta)	131.3	109.3
Mengikut sektor		
Pembuatan yang mana	25.4	16.8
- barangan berasaskan IT	0.3	1.9
- barangan elektrik dan elektronik	7.5	-
- teknologi elektronik tinggi	8.9	11.3
Teknologi maklumat dan komunikasi	53.1	76.0
Sains hayat	3.5	3.2
Lain-lain	49.4	13.4

^P Awal

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Pelaburan Mengikut Peringkat



- Modal Benih:** Pembiayaan untuk menyelidik, menilai dan membangunkan konsep awal dan/atau protaip.
- Permulaan:** Pembiayaan untuk pembangunan produk dan pemasaran awal.
- Peringkat awal yang lain:** Pembiayaan bagi syarikat selepas selesai peringkat pembangunan produk untuk memulakan pembuatan komersil dan jualan.
- Pengembangan/pertumbuhan:** Pembiayaan untuk pertumbuhan dan pengembangan.
- Penambungan/Mezzanine/Permodalan semula/Pra-IPO:** Pembiayaan kepada syarikat atau pemegang saham semasa tempoh peralihan daripada milik persendirian sebelum senaraian awam atau untuk urusan modal/korporat.
- Pemulihan:** Pembiayaan kepada perniagaan sedia ada yang mengalami kesulitan perdagangan dengan tujuan memulihkannya.
- Penjualan keluar (Pembelian sekunder):** Pembelian saham sedia ada dalam syarikat oleh organisasi pelaburan ekuiti swasta atau oleh pemegang saham yang lain.

Sumber: Bank Negara Malaysia
Malaysia Industry-Government Group for High Technology (MIGHT).

Kesimpulan

Industri VC adalah penting untuk pembangunan dan pertumbuhan industri yang berintensifkan pengetahuan, seiring dengan usaha Kerajaan untuk mengubah Malaysia menjadi sebuah ekonomi berasaskan pengetahuan. Sehubungan ini, Kerajaan akan terus menyokong dan memudahkan pembangunan industri VC demi memastikan persekitaran yang kondusif untuk membolehkan VC berkembang. Sektor swasta pula mesti memainkan peranan yang lebih aktif, terutamanya dalam menangani pelbagai kekangan supaya membolehkan industri VC menjadi lebih dinamik untuk memenuhi keperluan pembiayaan ekonomi baru.

semula strategi serta peningkatan peranan sektor dalam negeri dan sumbangannya kepada pertumbuhan supaya dapat mengurangkan ketidakpastian akibat kebergantungan kepada permintaan luaran. Justeru, hala tuju pinjaman akan disalurkan kepada pembentukan modal swasta, terutamanya dalam sektor perkhidmatan, termasuk pelancongan, kesihatan dan pendidikan serta pertanian.

Sementara, pasaran kewangan dan pasaran modal dijangka mencapai prestasi yang lebih baik pada tahun 2003. Sektor perbankan yang lebih kukuh dan berdaya tahan berikutan

kemajuan ketara dalam penyusunan semula sektor kewangan dan korporat kini lebih berkeupayaan untuk memastikan pertumbuhan kredit yang menggalakkan untuk memenuhi keperluan pembiayaan ekonomi, terutamanya untuk menyalurkan pinjaman bagi pelaburan swasta dalam negeri. Syarikat yang distrukturkan semula juga berdaya menumpu kepada aktiviti teras mereka. Pasaran modal juga dijangka akan lebih aktif berikutan peningkatan pembiayaan aktiviti ekonomi melalui pasaran PDS, sementara pasaran ekuiti dijangka akan juga bertambah baik seiring dengan prestasi ekonomi yang lebih kukuh.